

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

15
APR


USM SASAR PENGLIBATAN AKTIF AKADEmia DENGAN INDUSTRI



PULAU PINANG, 14 Apr 2015 - Universiti Sains Malaysia (USM) mensasarkan sejumlah 40 peratus daripada lebih 2,000 ahli akademiknya berkolaborasi secara aktif dan konsisten dengan pihak industri menjelang tempoh tiga tahun akan datang.

Naib Canselornya, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, sehingga kini rekod USM menunjukkan lebih 800 daripada ahli akademiknya serta 1,000 kakitangan bukan akademik telah pun bekerja secara rapat dengan pihak industri dan komuniti.

Katanya, kolaborasi melalui anak syarikat USM, USAINS Hodings Sdn. Bhd itu merangkumi pelbagai aspek termasuk pengkomersialan, perkhidmatan, konsultansi, latihan, pengurusan projek dan sebagainya," katanya.



"Kerjasama universiti-industri ini perlu diperkukuhkan dan menjadi sebahagian usaha untuk memacu penyelidikan dan inovasi, selain mengeratkan hubungan dengan pihak industri secara lebih menyeluruh dan berkesan.

"USM juga berharap kerjasama ini akan memberi lebih peluang kepada akademia untuk memperkukuhkan peranan sekaligus menyumbang dalam melonjakkan pendidikan negara demi masa depan negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis pelancaran Rangkaian Pusat Pemindahan Steinbeis (STCN) bagi menggalakkan pemindahan ilmu dan teknologi dari akademia kepada industri di sini semalam.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia (AIM) Mark Rozario, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM, Profesor Dato' Dr.

Muhamad Jantan dan Pengarah Eksekutif Steinbeis Malaysia Foundation, Dr. Reezal Abdul Latif.

Omar juga berkata, STCN adalah satu platform yang memudahkankerjasama antara universitidan industri dan ia disifatkan sebagai satu inisiatif yang bertepatan dengan matlamat universiti untuk meningkatkan kolaborasi pintar dengan industri.

Ujar beliau, STCN memperlihatkan penglibatan 53 pakar-pakar dari USM yang bernaung di bawah Steinbeis bagi memberi perkhidmatan kepada industri selain mewujudkan laluan lebih komprehensif untuk menggalakkan perkongsian ke pakarandan pengetahuan.

``STCN di harap dapat merapatkan jurang industri dan akademik serta memberi kemudahan kolaborasi yang jauh lebih baik untuk kepentingan penyelidikan masa hadapan.



``Dengan rangkaian yang ada juga kita akan dapat memperbanyakkan penglibatan universiti-industri, bukan sekadar perundingan tetapi juga memantapkan R&D untuk menghasilkan penyelidikan bertaraf kolaboratif dengan industri,`` ujar beliau.

Dalam pada itu, Steinbeis Foundation Malaysia yang dilancarkan pada Ogos tahun lalu merupakan inisiatif bukan keuntungan oleh AIM yang menyediakan platform industri yang berfokuskan untuk merangsang kerjasama antara industri dan ahli akademik dari perspektif yang didorong oleh pasaran.

Ia berasaskan kaedah Steinbeis Foundation Jerman yang telah terbukti berkesan dalam kerjasama antara ahli akademik dan PKS. Terdapat kira-kira 50 buah negara di seluruh dunia yang telah menerima pakai dan menggunakan model Steinbeis ini, antaranya ialah Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan.
Teks : Marziana Mohamed Alias / Foto : Mohd Fairus Md. Isa



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015